



فوسة دعوه اسلاميه
مركز الدعوه الاسلاميه
ISLAMIC DA'WAH CENTRE

Bil: 44

اولادنا Auladuna

2023(UP) 600-002/042(44)

Bisaitah
Berselawat

Berselawatlah Kepada Nabi
Muhammad Shallallahu
'alaihi wa sallam 7

Kelebihan
Membaca
Selawat 12



Kandungan Auladuna

KALAM AULADUNA	3
ASMA'UL HUSNA	4
KISAH TELADAN	5
KENALI AL-QUR'AN	6
PEKERTI AULADUNA	7
ADAB ISLAMI	8
KAMUS 3 BAHASA	9
KAMUS BRUNEI	10
BACA DAN SALIN SEMULA	11

INGIN TAHU	12
BINA PERKATAAN	13
MINDA IBADAT	14
BELAJAR BAHASA ARAB	15
ASAH MINDA	16
GAMBAR TERSEMBUNYI	17
KATA BERLAWANAN	18
INFO AULADUNA	19
DOA	20

Anggota Redaksi

EDITOR

Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim

PENOLONG EDITOR

Hajah Suriyati binti Haji Ahmad

SUSUN ATUR & REKA BENTUK

Dahlan bin Chuchu

PENYELARAS

Hjh. Ratna Wanit binti Hj. Abd. Karim

PEMBAHAGI MAJALAH

Pg. Muhammad Rafiuddin bin Pg. Haji Badaruddin
Nurul Nabila binti Masri

PEMBANTU PENYELARAS

Qairunnisa binti Haji Jalil
Md. Zelihan bin Ahad
Rokiah binti Hj. Mohd. Serudin
Azizah binti Idup
Suriati binti Haji Ali Hussin
Dayang Hayatun Syakirah Hj. Awang Abd. Ghani
Nazey Suzainah binti Haji Shaya

Selawat MEMBAWA Kebaikan Dunia dan Akhirat

Sebagai umat Islam kita mengetahui bahawa Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam adalah nabi terakhir yang diutus oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala untuk menyebarkan agama Islam kepada umatnya. Nabi akhir zaman yang membawa rahmat dan sangat kasih kepada umatnya.

Walaupun pelbagai cabaran dan tantangan, akhirnya ajaran agama Islam dapat disebarluaskan sehingga ke hari ini. Betapa besarnya pengorbanan Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam dalam menyebarkan agama Islam sehingga ke nafas terakhir baginda masih saja mengingati umatnya. Sebagai umat baginda kita mestilah berselawat dan memuji Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam. Selawat bererti doa dan permohonan rahmat daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala serta kemuliaan ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam. Amalkanlah bacaan selawat setiap hari supaya kita dapat memperolehi kebaikan dan keuntungan di dunia dan juga di akhirat. Antara selawat itu ialah:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ



Asma ul Husna



الْمَجِيد

AL-MAJIID

Yang Maha Mulia
The Glorious

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah Huud ayat 73 yang mafhumnya:

...Sesungguhnya Allah Maha Terpuji lagi sangat melimpah kebaikan dan kemurahan-Nya

Bagi Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang bersifat Agung, Tinggi, Mulia dan sangat Dermawan dalam mengerjakan sesuatu urusan. Tidak ada satupun yang dapat mengalahkan diri-Nya kerana tiada kekurangan pada sifat-Nya.

Kisah Teladan

NABI MUHAMMAD SHALLALLAHU 'ALAIHI WA SALLAM DAN PERISTIWA ISRA' MI'RAJ

Nabi Muhammad *Shallallahu alaihi wa sallam* telah dikurniakan mukjizat terbesar oleh Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* melalui peristiwa Isra' dan Mi'raj. Iaitu perjalanan Rasulullah pada waktu malam dari Masjidilharam di Mekah ke Masjidilaqsha di Baitulmaqdis Palestin dan naik ke langit untuk bertemu Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* dengan menggenderai seekor burung Buraq. Peristiwa ini berlaku pada 27 Rejab.

Banyak pengajaran dan iktibar yang telah diperlihatkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* kepada Rasulullah *Shallallahu wa sallam* dalam perjalanan tersebut. Baginda menyaksikan banyak perkara dahsyat, seksaan balasan serta ganjaran terhadap perbuatan yang manusia lakukan di muka bumi. Selain seksaan meninggalkan sembahyang, diperlihatkan juga seksaan akibat tidak menunaikan zakat, memakan riba, tidak menutup aurat, tidak menjaga lidah dan seumpamanya.

Peristiwa ini juga menunjukkan betapa besar kasih sayang Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* terhadap hamba-Nya dengan memperkenankan permintaan Rasulullah *Shallallahu alaihi wa sallam* yang sangat menyayangi umatnya untuk mengurangkan jumlah sembahyang dari 50 waktu hingga menjadi lima waktu.



SURAH MUHAMMAD

Surah ke 47 ini diturunkan di Madinah dan mengandungi 38 ayat. Surah ini dikenali juga dengan nama al-Qital.

Dinamakan surah Muhammad kerana surah ini menceritakan tentang penurunan al-Qur'an kepada Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sebagaimana yang terdapat dalam ayat ke-2.

Surah ini menceritakan tentang hukum berperang dengan orang-orang kafir.

Permulaan surah ini dimulai dengan penjelasan mengenai perbezaan antara orang-orang kafir dengan orang-orang mu'min serta balasan yang mereka terima di dunia dan di akhirat.

Menceritakan keadaan syurga dengan kenikmatannya dan neraka dengan azabnya.

BERSELAWATLAH

Kepada
Nabi Muhammad
Shallallahu 'alaihi wa sallam

Allah Subhanahu wa Ta'ala telah memerintahkan kepada seluruh hamba-Nya untuk membaca dan mengamalkan bacaan selawat sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Ahzaab ayat 56 yang mafhumnya:

"Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya berselawat kepada Nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kepadanya serta ucapkanlah salam dengan penuh penghormatan."

اللَّهُمْ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى أَلِّي سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ



Adab Menyebut Selawat

Apabila anak-anak mendengar nama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* disebut, maka anak-anak hendaklah membalas sebutan tersebut dengan ucapan selawat dan salam kepada baginda. Antaranya ialah seperti:

1

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya:

Semoga Allah memberikan selawat
dan salam kepada baginda

2

عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ

Maksudnya:

Kepada Rasulullah selawat
dan salam


Kamus Tiga Bahasa

TEMPAT تَقْتُلْتَ

PLACE مَكَانٌ

Isi kotak yang kosong dengan jawapan yang betul

سکوله	تامن	كامقوع	لاشقن تربع	ثاسر	ریستورن
-------	------	--------	------------	------	---------



Restoran	مَطْعَمٌ	Restaurant	
----------	----------	------------	--

Pasar	سُوقٌ	market	
-------	-------	--------	--

Taman	حَدِيقَةٌ	Park	
-------	-----------	------	--

Kampung	قَرْيَةٌ	Village	
---------	----------	---------	--

Sekolah	مَدْرَسَةٌ	School	
---------	------------	--------	--

Lapangan Terbang	مَطَارٌ	Airport	
------------------	---------	---------	--





IJAP Ertinya TAKUT

Contoh ayat:

Jangan tah **ijap** betanya arah
cigu kalau inda paham.



IMBAS Ertinya IRAS

Contoh ayat:

Muanya macam **imbas**
kakanya.



INCIT-INCIT Ertinya SEDIKIT-SEDIKIT

Contoh ayat:

Duit mu atu simpan **incit**-
incit dalam tabung lai.



Baca & Salin Semula

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Ingin Tahu

Kelebihan Membaca Selawat

Terdapat banyak kebaikan dan kelebihan sekiranya kita selalu membaca selawat, antaranya ialah:

1 Mendapat syafaat Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* di akhirat nanti.

2 Memperolehi keberkatan dalam hidup.

3 Mendapat keampunan dosa dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

4 Dimakbulkan doanya dan ditunaikan segala hajat dan ditutup segala aibnya.

5 Tergolong sebagai orang-orang yang shalih.

6 Mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan memudahkan jalan untuk memasuki syurga.

Cuba bina 10 perkataan daripada
perkataan di bawah ini

SELAWAT





Selawat Syifaa

Syifaa ertinya kesembuhan. Barang siapa yang mengamalkan selawat ini, *in syaa Allah akan*:

Disihatkan
tubuh badannya
dengan izin Allah
*Subhanahu
wa Ta'ala.*


Dijauhkan dari
segala penyakit
dengan izin Allah
*Subhanahu
wa Ta'ala.*

Menjadi sebagai
penerang hati.

Selawat Syifaa ini sebaiknya dibaca selepas menunaikan sembahyang fardhu dan dibaca sebanyak mungkin.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ طِبِّ الْقُلُوبِ وَدَوَاهِهَا وَصَحَّةَ
الْأَبْدَانِ وَعَافِيَتَهَا وَنُورِ الْأَبْصَارِ وَضَيَّاهَا وَقُوَّةَ الْأَجْسَادِ

وَغِذَاهَا وَعَلَى أَكْلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ



TIDUR



نَامَ

MENULIS



كَتَبَ

BEREHAT



اسْتَرَخَ



Cari Nama-nama Selawat dalam Kotak di Bawah ini:

AT-TAFRIJIYYAH

ASY-SYIFAA

AL-FATIH

AL-FATIH

AL-IBRAHIMIYAH

AN-NUR

A	L	I	B	R	A	H	I	M	I	Y	A	H
Z	Y	E	I	P	O	L	R	W	Q	A	A	P
E	W	I	K	L	Y	U	I	U	D	L	L	T
A	T	T	A	F	R	I	J	I	Y	Y	A	H
G	H	K	L	I	U	T	R	O	E	R	D	H
Y	A	F	J	D	D	F	R	B	S	D	F	H
E	S	Y	I	U	Y	U	I	P	L	M	N	N
D	Y	Y	B	M	N	V	B	N	M	V	Y	K
P	S	W	E	N	Q	W	E	R	T	Y	U	T
O	Y	T	A	U	T	A	L	F	A	T	I	H
P	I	M	C	V	V	E	D	I	R	R	T	Y
X	F	C	B	B	R	R	D	W	E	O	Y	U
O	A	Z	I	N	D	F	F	U	Y	L	O	L
V	A	X	B	B	U	L	K	F	Q	Q	K	Z



Gambar Tersembunyi



1 2 3 4 5 6 7 8 9

Kata Berlawan



Isikan jawapan yang betul bagi lawan perkataan di bawah ini:

PANAS

حرّ

HOT

SEJUK

بارد



MURAH

رخيص

CHEAP

MAHAL

غالٍ



BERANI

شجاع

BRAVE



TAKUT

خائف



ORANG YANG HINA & BAKHIL

Hadits riwayat Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya, dari Abu Hurairah RadhiAllahu 'anhu ia berkata, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

رَغِمَ أَنْفُ رَجُلٍ ذُكِرْتُ عِنْدَهُ فَلَمْ يُصَلِّ عَلَيَّ

Maksudnya:

Seseorang amat hina, jika namaku disebutkan di sisinya lalu ia tidak mengucapkan selawat kepadaku.

Hadits riwayat Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya, dari Ali RadhiAllahu 'anhu ia berkata, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

الْبَخِيلُ الَّذِي مَنْ ذُكِرْتُ عِنْدَهُ فَلَمْ يُصَلِّ عَلَيَّ

Maksudnya:

Orang yang bakhil (kedekut) adalah orang yang namaku disebut padanya, ia tidak berselawat kepadaku.

Berdasarkan hadits tersebut janganlah anak-anak jadi orang yang kedekut dan bakhil untuk membaca selawat kepada baginda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam apabila kita mendengar adanya nama Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam disebut, ringankanlah lidah kita untuk berselawat kepadanya.

DOA

Nabi Ayyub 'Alaihissalam ketika Sakit

*"Ya Tuhaniku! Sesungguhnya aku
ditimpa penyakit dan Engkau
adalah Maha Pengasih daripada
sekalian yang pengasih."*

(Terjemahan surah al-Anbiyaa' : 83)

